



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**THE 1ST NATIONAL HUICHUN CALLIGRAPHY
CONVENTION 2024**

**20 JANUARI 2024 (SABTU)
10.00 PAGI**

**DEWAN TAN SRI YTL
WISMA HUANGZONG, LEBUH RAYA SUNGAI BESI
SERI KEMBANGAN, SELANGOR**

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI,

SALUTASI

***disediakan secara berasingan**

PENDAHULUAN

1. Syukur, kita dapat berkumpul sama-sama pada hari ini di **Konvensyen Kaligrafi Huichun Nasional Kali Pertama 2024** bagi merayakan keindahan dan keunikan seni kaligrafi Huichun.
2. Saya melihat konvensyen ini tidak hanya menyaksikan pencapaian luar biasa dalam bidang seni tulis ini, tetapi juga selari dengan komitmen Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dalam **mempromosikan warisan budaya negara, khususnya melalui inisiatif 'Ini Warisan Kita'**.
3. Usaha memartabatkan seni, warisan dan budaya negara adalah tanggungjawab bersama tidak kira pihak kerajaan, swasta mahupun perseorangan. Pada hari ini satu lagi keunikan iaitu **seni Kaligrafi Huichun didukung sebagai sebahagian daripada identiti dan kepelbagaian budaya kita**.

4. Selain itu, saya juga ingin kongsiikan dimana pada tahun lepas, KPN telah melaksanakan pelbagai aktiviti di bawah inisiatif Ini Warisan Kita seperti:

- Pameran etnik minoriti
- Program bersama masyarakat Chetti dan Siam
- Debat Perpaduan
- Bicara Bahasa Kolokial
- Foodunites
- Pengajaran Bahasa Siam

Hadirin yang dihormati sekalian,

KALIGRAFI HUICHUN DALAM KONTEKS 'INI WARISAN KITA'

5. Saya difahamkan bahawa **Kaligrafi Huichun berasal dari perkataan Mandarin "Hui Chun"** serta telah menjadi sebahagian daripada warisan budaya yang berharga di Malaysia dengan nilai-nilai estetika dan kebudayaan yang mendalam.

6. **Kaligrafi Huichun telah mengalami transformasi yang diwarnai oleh pelbagai elemen budaya Malaysia.** Pengaruh Melayu, India, dan etnik-etnik lain di Malaysia

turut menyumbang kepada kekayaan visual dan makna dalam setiap aksara yang ditulis.

7. **Ini menjadikan kaligrafi Huichun sebagai medium yang mencerminkan kepelbagaian budaya yang unik di Malaysia.** Ia bukan sekadar seni tulisan visual, tetapi ekspresi seni yang menggambarkan sejarah, kepelbagaian, dan keindahan Malaysia.
8. **Dengan memahami dan mengapresiasi seni ini, kita turut memupuk kebanggaan terhadap warisan budaya yang kaya dan memperkukuh ikatan kepelbagaian masyarakat** di negara ini. Maka bersesuaian penganjuran konvensyen ini kerana **seni kaligrafi boleh menjadi jambatan atau titian untuk menyatupadukan masyarakat.**
9. Sebagai warisan budaya Malaysia, **seni ini membantu membentuk identiti kebangsaan yang bersifat inklusif.** Ia tidak hanya milik satu kaum tetapi menjadi milik bersama, memberikan pemahaman bahawa kekayaan budaya adalah warisan yang dimiliki bersama oleh setiap rakyat Malaysia.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

WARISAN KESENIAN DAN KEBUDAYAAN SEBAGAI SIMBOL PERPADUAN

10. Suka untuk saya kongsi kepada semua, pada **tahun 2017 Acara Menulis Kaligrafi Cina Terbesar Sibu** telah mencipta sejarah dalam **The Malaysia Book of Records (TMBR)** dengan penyertaan peserta teramai iaitu **6,140 peserta**. Acara tersebut dijayakan dengan penglibatan pelbagai etnik seperti Melayu, Cina, Melanau dan Iban sekali gus menonjolkan semangat perpaduan dan keharmonian yang terjalin dalam kalangan penduduk Bumi Kenyalang.
11. Tiba masanya, seni kaligrafi didukung sebagai satu **“unity builder”** dalam mengeratkan hubungan silaturahim, **kebersamaan dan muhibah** dalam kalangan rakyat Malaysia.
12. **Saya mengajak masyarakat untuk memahami latar belakang dan konteks setiap aksara dalam kaligrafi ini, meraikan kepelbagaian dan menghormati perbezaan.** Mempelajari kebudayaan masyarakat pelbagai kaum boleh memupuk sifat hormat-menghormati antara satu sama lain.

13. Seni kaligrafi merupakan kesenian global kerana terdapat pelbagai negara di dunia ini yang turut memiliki seni kaligrafi yang unik. **Di Malaysia, terdapat tiga kaligrafi utama iaitu Jawi, Cina dan Tamil.** Pada tahun 2023, Kementerian melalui Perpustakaan Negara Malaysia telah melaksanakan sebanyak **36 Program Pembudayaan Tulisan Jawi dengan penyertaan seramai 33, 764 orang.** Matlamat utama penganjuran ini adalah untuk memperkasakan dan menyemarakkan penggunaan tulisan Jawi dalam masyarakat berbilang bangsa.

14. Oleh itu, kementerian akan mempertimbangkan untuk mengadakan satu **Festival Kaligrafi Uniti yang melibatkan tulisan Jawi, Cina dan Tamil** pada masa akan datang dengan tujuan memupuk kepelbagaian dalam kalangan masyarakat. (*Unity in Diversity*)

15. Sehubungan dengan itu, saya berbesar hati dan mengambil inisiatif menyarankan agar **14 Ogos setiap tahun yang kini merupakan World Calligraphy Day** turut diangkat sebagai “Hari Kaligrafi Perpaduan Nasional” atau “National Unity Calligraphy Day”. Saya berharap ia turut disambut dan diadakan di setiap negeri, mahupun di institusi pengajian tinggi serta sekolah dalam

menghayati seni kaligrafi tanpa mengira kaum, bangsa dan agama.

Hadirin yang dimuliakan sekalian,

PENUTUP

16. Semoga program ini **menjadi mercu tanda kejayaan dalam usaha kita untuk memelihara dan memartabatkan kaligrafi Huichun sebagai satu lagi warisan berharga negara kita.** Program ini perlu diteruskan bagi mengekalkan tradisi kaligrafi selain menggalakkan anak-anak muda menceburi seni kaligrafi bagi membantu membentuk jati diri mereka.
17. Saya berharap agar semangat inisiatif 'Ini Warisan Kita' dapat terus menyala dalam diri kita semua untuk kesejahteraan bersama sekali gus dapat merealisasikan impian rakyat yang bersatu padu melalui **“Membudayakan Perpaduan, Meraikan Kepelbagaian”**.

Sekian, terima kasih.